

**ETR 300**

**ASAS KEUSAHAWANAN**

**CADANGAN RANCANGAN PERNIAGAAN**

**MESRA ALAM**

**KITAR SEMULA PLASTIK**

**DISEDIAKAN UNTUK :**

**ENCIK ABDUL HAMEED MOHD. MYDIN**

**DISEDIAKAN OLEH :**

**AFIDAH OSOMAN 96823802**

**NURALIZA ALI DIN 96557963**

**SITI KHATIJAH HAMZAH 96908715**

**YUSNIZA MOHD. YUSOF 96699859**

**ZANARIAH ABU KASSAIM 96897528**

**DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM**

**5 C**

**INSTITUT TEKNOLOGI MARA MELAKA**

**SESI MEI - OKTOBER**

## **ISI KANDUNGAN**

## **MUKA SURAT**

<b>Surat Pengesahan</b>	
<b>Surat Penyerahan</b>	<b>i-ii</b>
<b>Logo</b>	<b>iii</b>
<b>1.0 Pengenalan</b>	<b>1-2</b>
<b>2.0 Latar Belakang Perusahaan</b>	<b>3</b>
<b>3.0 Latar Belakang Pemilik</b>	<b>4-5</b>
<b>4.0 Cadangan Rancangan Pentadbiran</b>	<b>6-15</b>
<b>5.0 Cadangan Rancangan Pemasaran</b>	<b>16-24</b>
<b>6.0 Cadangan Rancangan Operasi</b>	<b>25-43</b>
<b>8.0 Cadangan Rancangan Kewangan</b>	<b>44-72</b>
<b>Rumusan</b>	<b>73</b>
<b>Penghargaan</b>	<b>74</b>
<b>Lampiran</b>	



# INSTITUT TEKNOLOGI MARA

## CAWANGAN MELAKA

### MARA INSTITUTE OF TECHNOLOGY

Tarikh: 8hb. Julai 1998  
Surat Tuan:  
Surat Kami: 100-CM(AKA 37/B)

Km 26, Jalan Lendu, 78000 Alor Gajah Melaka  
Tel No: 06-565241, 565341, 565342, 565770, 565771  
Telefax: 06-563963  
06-5591067

#### KEPADA SESIAPA YANG BERKENAAN

Tuan,

Sukacita dimaklumkan bahawa pelajar-pelajar yang tersenarai namanya di bawah adalah pelajar Kursus Diploma Pentadbiran Awam di Institut Teknologi MARA, Melaka. Mereka telah ditugaskan untuk membuat penyelidikan sebagai memenuhi syarat matapelajaran ETR 300 Asas Keusahawanan

Bil.	Nama Pelajar	No. ITM
1.	Afidah Osoman	96823802
2.	Nuraliza Ali Din	96557963
3.	Siti Khatijah Hamzah	96908715
4.	Yusniza Mohd. Yusof	96699859
5.	Zanariah Abu Kassaim	96897528

Sukacita saya sekiranya dapat tuan membantu mereka dengan maklumat-maklumat yang berkaitan untuk menjayakan projek kajian mereka. Segala maklumat yang diperolehi akan digunakan semata-mata untuk tujuan akademik dan tidak akan disebarikan kepada umum.

Kerjasama tuan saya dahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,



ROZALLI HASHIM

## **1.0 PENGENALAN**

Kami sebagai penuntut di semester 5, telah diarahkan oleh pensyarah ETR 300, Encik Hameed Mohd. Mydin, untuk mencadangkan satu rancangan perniagaan kepada bakal usahawan yang berminat dan berkeyakinan untuk menceburi perusahaan yang akan kami cadangkan ini dengan menggunakan modal sebanyak RM10,000 dan didaftarkan dibawah kepunyaan tunggal. Kami juga tidak mempunyai pengkhususan kerja seperti pegawai kewangan, pentadbiran dan sebagainya seperti yang sering dilakukan oleh rancangan perniagaan yang lain memandangkan kami cuma mencadangkan rancangan perniagaan dan bukan kami yang menjalankan perniagaan ini.

Kami mencadangkan perusahaan kitar semula plastik ini didaftarkan menggunakan nama "MESRA ALAM". Kami mencadangkan MESRA ALAM sebagai nama perusahaan ini memandangkan ianya bersesuaian dengan tujuan asal perusahaan yang dicadangkan iaitu untuk menjaga kebersihan alam sekitar dengan mengitar semula lebihan plastik. Kami mencadangkan agar perusahaan ini berlokasi di Taman Asean, Malim Jaya, Melaka. Perusahaan ini dicadangkan mula beroperasi pada 1 Januari 2000. Bentuk perusahaan kepunyaan tunggal ini mempunyai banyak kebaikan, antaranya ialah ia mudah untuk diuruskan, ditubuhkan dan dibubarkan kerana keputusan penting boleh dibuat dengan cepat oleh pemilik perusahaan tanpa perlu berunding dengan pihak lain. Selain itu, keuntungan sepenuhnya menjadi hak pemilik perusahaan dan ianya tidak banyak tertakluk kepada peraturan dan perundangan kerajaan.

Pada masa sekarang jelas kelihatan bahawa kebanyakan usahawan hanya memikirkan keuntungan semata-mata tanpa menghiraukan kebersihan alam sekitar. Justeru itu adalah menjadi tujuan asal kami mencadangkan perusahaan ini untuk mempelawa bakal-bakal usahawan bersama-sama menjaga alam sekitar dengan menceburi industri kitar semula lebihan dan botol-botol plastik. Seperti yang kita lihat sekarang, penjagaan alam sekitar bukan hanya diaplikasikan kepada institusi pendidikan tinggi dan rendah sahaja tetapi usahawan juga boleh turut sama menyumbangkan tenaga, buah fikiran dan wang ke arah persekitaran yang bersih.

Secara umumnya, kami mencadangkan rancangan perusahaan bagi tempoh 5 tahun bermula dari tahun 2000 hingga tahun 2004. Pada tahun pertama dan kedua, kami mencadangkan perusahaan ini hanya mengambil upah menghancurkan lebihan plastik daripada pengilang produk plastik. Ini kerana dengan menjalankan aktiviti ini, jumlah wang yang dikumpulkan akan dapat ditambah ke dalam modal. Pada tahun ke 3 dan 4 pula kegiatan mengambil upah masih dijalankan tetapi ditambah dengan proses mengangkut, membasuh, menghancurkan dan memasak lebihan plastik yang dibeli atau diambil dari kilang-kilang plastik yang akhirnya menghasilkan butiran plastik yang kecil. Bagi tahun kelima pula, kami mencadangkan aktiviti yang sama dengan tahun 3 dan 4 diteruskan tetapi kali sumber bukan hanya diambil di kilang-kilang, tetapi juga botol-botol plastik turut diambil di premis-premis makanan. Di samping itu juga kami mencadangkan agar pengusaha/usahawan memikirkan jenis produk yang akan dikeluarkan berasaskan plastik hasil kitar semula ini pada tahun 5 kerana selepas tahun ke 5 perusahaan telah mampu untuk mengeluarkan produk sendiri. Produk cadangan kami ialah botol minyak, botol ubat, botol gula-gula, alat permainan kanak-kanak dan botol mineral.

Pasaran terhadap produk (butiran plastik dan produk cadangan) didapati akan meningkat apabila permintaan terhadapnya meningkat berikutan galakkan daripada kerajaan terhadap industri kitar semula plastik ini. Keuntungan yang akan didapati oleh perusahaan cadangan kami ini walaupun tidak berlipat ganda, namun amat membanggakan kerana akhirnya perusahaan ini dapat mengeluarkan produk sendiri dengan modal RM10000.

Oleh itu, walaupun perusahaan ini bermodal kecil, namun ia masih mampu mewujudkan sebuah perusahaan yang masih dianggap baru di negara ini.